

TINGKATAN LIMA ALIRAH KEMAHIRAN
PENDIDIKAN ISLAM
UJIAN PDPR
Ogos 2021
1 jam

PANITIA PENDIDIKAN ISLAM
SMK PARIT BUNGA TANGKAK

UJIAN PDPR 2021
TINGKATAN LIMA ALIRAN
KEMAHIRAN

PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1 DAN 2
Satu Jam

Arahan:

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A, Bahagian B dan Kertas 2 .
Jawab **semua** soalan atas talian.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas soalan ini.*
3. *Hantar jawapan melalui email kepada guru setelah selesai menjawab soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

1223/1©2021

[Skrol bawah
SULIT

Bahagian A

[15 markah]

*Jawab semua soalan.***Tanda (√) pada pernyataan yang betul dan tanda (X) pada pernyataan yang salah.**

No. Soalan	Pernyataan	√/X
1	Golongan yang menyokong Saidina Ali RA yang berjuang menentang Saidina Muawiyah RA tetapi tidak bersetuju dengan majlis tahkim merujuk kepada Syiah.	
2	Hanya pemberi rasuah yang dianggap bersalah di sisi undang-undang.	
3	Tempoh larangan berkahwin yang patut dipatuhi oleh isteri selepas bercerai atau kematian suami merujuk kepada maksud idah.	
4	Nama sebenar Bilal bin Rabah ialah Bilal bin Rabah al-Habsyi	
5	Ciri-ciri pekerjaan halal ialah terdapat unsur riba, judi dan penipuan.	

Pilih jawapan yang betul di dalam kurungan.

- 6 Orang yang melakukan rasuah sama ada pemberi atau penerima akan (dilakna / dihargai / disukai) oleh Allah SWT dan Rasulnya.
- 7 Suami menceraikan isteri ketika suci dan tidak disetubuhinya ketika dalam tempoh suci merujuk kepada (Talak bid'i / Talak raj'i / Talak sunni).
- 8 Seseorang yang tidak sempat hidup pada zaman Rasulullah SAW tetapi mereka hidup pada zaman sahabat Rasulullah SAW merujuk kepada (Sahabat / Tabiin / Tabi' Tabiin).
- 9 Bilal bin Rabah diberi gelaran (Muazzin al-Islam / Muazzin al-Rasul / Muazzin al-Muslim)
- 10 Ciri-ciri ihsan dalam mencari rezeki yang halal ialah menganggap kerja ialah (ibadah / wajib / sunat)

Soalan 11 hingga Soalan 15 berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

tamak	hadis	Adil	harus	Fahsya'
-------	-------	------	-------	---------

- 11ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya.
- 12 ialah segala ucapan dan perbuatan yang buruk.
- 13 Sikap ingin hidup mewah danmenyebabkan golongan ini membelakangkan syariat Islam.
- 14 Pegangan aliran Ahli Sunnah wal Jamaah ialah al-Quran,dan perkara yang di bawa oleh salafus soleh.
- 15 Hukum talak apabila kategori talak bukan sunni dan bid'i ialah.....

Bahagian B

[27 markah]

Jawab *semua* soalan.

- 1 (a) Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ [النحل: 90]

Surah al-Nahl :90

Ayat di atas menjelaskan suruhan Allah kepada manusia supaya melakukan kebaikan.

Berdasarkan ayat,

- (i) Nyatakan **tiga** suruhan Allah yang terkandung dalam ayat tersebut.

[3 markah]

- (ii) Senaraikan hak terhadap kaum kerabat.

[2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.
(رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ)

Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah.

(i) Nyatakan nama lain bagi rasuah.

[1 markah]

(ii) Terangkan dua keburukan rasuah.

[4 markah]

2. (a) (i) Nyatakan maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah.

[2 markah]

(ii) Senaraikan **tiga** golongan yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

[3 markah]

3. (a) Perkara yang dibenci oleh Allah ialah talak tetapi dibolehkan dalam Islam.

(i) Nyatakan maksud talak.

[2 markah]

(ii) Senaraikan syarat sah talak bagi suami.

[3 markah]

4. (a) Bilal bin Rabah merupakan golongan hamba pertama yang memeluk Islam.

(i) Di manakah Bilal bin Rabah dilahirkan?

[1 markah]

(ii) Apakah gelaran Bilal selain muazzin?

[1 markah]

(iii) Nyatakan **satu** sifat peribadi Bilal bin Rabah selain golongan pertama memeluk Islam
(bukan Quraisy)

[2 markah]

(b) (i) Berikan maksud mencari rezeki yang halal.

[2 markah]

(ii) Menurut Syed Othman al-Habsyi , definisi ihsan terbahagi kepada berapa bahagian?

[1 markah]

KERTAS 2
[8 MARKAH]

1. Isi tempat kosong berdasarkan jawapan yang disediakan dalam kotak. Seret jawapan pada tempat kosong di bawah.

وَقِنَا	الْحِسَابِ	ءَاتِنَا	النَّارِ	يَقُولُ	حَسَنَةً
---------	------------	----------	----------	---------	----------

﴿وَمِنْهُمْ مَّنْ (1) رَبَّنَا (2) فِي الدُّنْيَا (3) وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً (4) عَذَابَ (5)﴾

[5 markah]

2. Susun potongan ayat berikut. Anda hanya perlu seretkan ayat tersebut dan susun mengikut urutan.

jawapan	Potongan ayat al-Quran
	قِيَمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا
	مَّكِيثِينَ فِيهِ أَبَدًا
	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا

[3 markah]

SOALAN TAMAT